

08/05/1998

Sabah serah pada PM (HL)

Lichong Angkui; Muhd Yusuf Abu Bakar

KOTA KINABALU, Khamis - Semua sembilan parti komponen Barisan Nasional (BN) di Sabah hari ini memberi jaminan akan menerima siapa saja yang dilantik sebagai Ketua Menteri baru, menggantikan Datuk Yong Teck Lee nanti.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau diberi mandat oleh pemimpin BN Sabah untuk memilih bakal pengganti Yong, yang dijadual tamat perkhidmatannya sebagai ketua kerajaan negeri pada 27 Mei ini.

Dalam sidang akhbar selepas mengadakan dua sesi pertemuan dengan ketua dan pemimpin parti komponen BN Sabah di sini petang ini, Perdana Menteri bagaimanapun berkata, nama Ketua Menteri baru itu hanya akan diumumkan selepas beliau kembali dari lawatan rasmi ke Mesir.

"Saya tidak akan mengumumkan nama kerana saya datang ke sini untuk mendengar dan bercakap dengan pemimpin, menjelaskan masalah dihadapi dan perlunya kita mempunyai sebuah kerajaan yang kuat di Sabah.

"Ini kerana kita menghadapi masalah ekonomi dan kedua, kita akan menghadapi pilihan raya. Ketua Menteri baru akan menerajui kerajaan yang menghadapi pilihan raya nanti. Sebab itu saya datang untuk bincang dengan pemimpin BN negeri," katanya.

Turut hadir dalam sidang akhbar itu ialah Pengerusi BN merangkap Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee; Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam; dan pemimpin semua parti komponen BN negeri.

Terdahulu, Dr Mahathir yang tiba pada tengah hari mengadakan pertemuan dengan ketua parti komponen BN Sabah, diikuti perjumpaan dengan menteri-menteri Kabinet negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun), Ahli Parlimen dan Senator BN dari Sabah.

BN Sabah mempunyai sembilan komponen iaitu Umno sebagai tunjang utama, Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Demokratik Sabah (PDS), Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (Akar), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Parti Liberal Demokratik (LDP), Gerakan, MCA dan MIC.

Dr Mahathir berkata, dalam perbincangannya dengan pemimpin BN negeri, mereka memberi jaminan akan menyokong siapa saja yang akan dilantik nanti. Sehubungan itu, beliau tidak nampak akan menghadapi masalah apabila membuat pilihan nanti.

"Saya berpendapat BN Sabah kini matang. Mereka faham konsep BN dan pada umumnya saya berpendapat tidak menghadapi sebarang masalah," katanya.

Secara berseloroh, Perdana Menteri berkata, calon Ketua Menteri itu sudah ada dalam fikirannya, tetapi beliau belum lagi mengenal pasti.

Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri kepada pemimpin tiga kaum utama di Sabah - Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina - dijanjikan dan dilaksanakan selepas pilihan raya negeri 1994.

Bermula dengan kuota Bumiputera Islam menerusi Umno pada 17 Mac 1994, sistem itu diteruskan kepada kuota Cina menerusi Parti Maju Sabah (SAPP) pada 28 Mei 1996. Kini giliran Bumiputera bukan Islam pula mengambil alih teraju kepemimpinan negeri.

Ditanya apakah kriteria Ketua Menteri yang akan dipilih, Dr Mahathir berkata: "Tak banyak kriteria... secara umum dia mesti dapat sokongan semua orang dan dia mesti berfikiran sebagai rakyat Sabah dan sebagai rakyat Malaysia."

(END)